



POLITEKNIK METRO JOHOR BAHRU

SEBUTHARGA

KERJA - KERJA NAIKTARAF BANGUNAN POLITEKNIK SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI POLITEKNIK METRO JOHOR BAHRU.

No. Sebutharga : PMJB / SH / 05 / 2018

**SILA BACA DAN FAHAMI KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG
TERKANDUNG DIDALAM DOKUMEN SEBUTHARGA INI
SEBELUM MENGISINYA**

POLITEKNIK METrO JOHOR BAHRU
NO. SEBUTHARGA : PMJB/SH/05/2018

1.0 KENYATAAN AM SEBUT HARGA

1. Sebut harga ini dibuka kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dibawah :-
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Kontraktor Gred G1, Pengkhususan B04 dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).
2. Sebutharga ini akan ditutup pada **30 SEPTEMBER 2018 (AHAD) jam 12.00 Tengahari.**
3. **Kontraktor diwajibkan menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak pada tarikh 26 SEPTEMBER 2018 (RABU) jam 10.00 pagi.**
3. Dokumen sokongan hendaklah dimasukkan kedalam Peti Sebutharga di **Lobi, Politeknik METrO Johor Bahru, No 64 Jalan Suria 19, Taman Putera, 81100 Johor Bahru.**
4. Sebut harga yang lewat dihantar tidak akan diterima/dilayan. Pejabat ini tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung.
5. Semua keterangan mengenai Sebutharga ini atau butir-butir lengkap mengenai syarat-syarat dan penentuan perkhidmatan perlu dikemukakan bersama-sama dokumen ini.
6. Penyebut harga yang berjaya mestilah memulakan kerja-kerja tersebut selewat-lewatnya 7 (tujuh) hari selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan.
7. Tawaran akan ditolak sekiranya gagal memenuhi mana-mana syarat dalam dokumen Sebutharga.
8. Semua pertanyaan atau penjelasan boleh berhubung dengan pegawai-pegawai berikut :
 - i. Pn Noraziah Binti Sofian 07-3358851 - Urusetia
 - ii. En Mohd Ezry Bin Muhammad Rizal Tan 07-3358851 - Spesifikasi

LAMPIRAN Q
(Kew.284-Pin./94)

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebutharga :PMJB/SH/05/2018

KERAJAAN MALAYSIA
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)
NEGERI JOHOR

SEBUTHARGA KERJA-KERJA

Kepada (Nama Syarikat)

No.Telefon :

No. Pendaftaran dengan Kem.Kewangan :
.....

Kod Bidang : Kontraktor Gred G1
Pengkhususan B04

Pelawaan Sebutharga dikeluarkan Oleh :

Pengarah,

Politeknik METrO Johor Bahru,

No 64 Jln Suria 19,

Taman Putera, 81100 Johor Bahru

No. Tel : 07-3358851 No. Faks : 07-3358854

1. Sila beri Sebutharga untuk **KERJA - KERJA NAIKTARAF BANGUNAN POLITEKNIK SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI POLITEKNIK METrO JOHOR BAHRU** tertakluk syarat-syarat yang ditetapkan :-

- 1.1 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlakri dan bertanda "No. Sebutharga **PMJB/SH/05 /2018**"
- 1.2 Syarat Penyelenggaraan /Penyempurnaan:.....
- 1.3 Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan:.....
- 1.4 Arahan Pengiriman: **PENGARAH, POLITEKNIK METrO JOHOR BAHRU.**
- 1.5 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada **30 SEPTEMBER 2018 hari Ahad** jam **12.00 tengahari.**
- 1.6 Tempoh sahlaku Sebutharga hendaklah **90** hari selepas tarikh tutup.

Tarikh :

Tandatangan :

Nama Pegawai :

Jawatan :

**KERJA - KERJA NAIKTARAF BANGUNAN POLITEKNIK SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI POLITEKNIK
METRO JOHOR BAHRU**

Bil	Perkara / Bahan	Unit	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Amaun (RM)
1	<u>Kerja - kerja naiktaraf Bilik Mesyuarat CISEC</u>	-			
	-	-			
	1.1 Kerja - kerja naiktraf laluan akses ke bilik mesyuarat dengan menukar kedudukan pintu ke luar lobi dengan menggunakan pintu jenis plywood berkaca termasuk kerja - kerja berkaitan	LS			
	1.2 Kerja-kerja naiktaraf tempat penyimpanan fail dengan pemasangan rak file bawah bersaiz 4' lebar dari jenis plywood dan kekemasan maica	SF	10		
2	<u>Kerja - kerja naiktaraf ruang sediada diaras bawah kepada bilik pemandu bilik pemandu</u>				
	2.1 Kerja - kerja naiktaraf lantai semen kepada kemas lantai karpet yang dibenarkan oleh pihak penguasa.	SF	120		
	2.2 Kerja - kerja memecah dinding untuk meningkatkan akses masuk ke bilik pemandu tanpa melalui pintu utama bangunan termasuk kerja -kerja kekemasan	LS			
	2.3 Kerja -kerja naiktaraf keselamatan bilik pemandu dengan pemasangan pintu dan jeriji besi yang dibenarkan oleh pihak penguasa	Unit	1		
3	<u>Kerja - kerja naiktaraf laluan keluar masuk Perpustakaan serta kerja - kerja yang berkaitan</u>				
	3.1 Kerja - kerja naiktaraf dilaluan akses perpustakaan kepada rak pameran berkaca termasuk pendawaian elektrik	SF	31		
	3.2 Kerja - kerja naiktaraf bilik stackroom kepada bilik pegawai perpustakaan dengan naiktaraf lantai simen kepada kekemasan lantai karpet pejabat.	SF	223		
4	<u>Kerja - kerja naiktaraf ruang penyimpanan di PABX bagi mengoptimumkan penggunaan ruang bilik.</u>				
	4.1 Kerja -kerja naiktaraf ruang penyimpanan	SF	61		

	dengan menggunakan kayu jenis plywood dan kekemasan maica			
5	<u>Kerja - kerja naiktaraf pejabat peperiksaan bagi meningkatkan akses bercirikan mesra pelanggan serta akses keselamatan</u>	LS		
	5.1 kerja - kerja naiktaraf kaunter pertanyaan dengan menambah pemasangan cermin aluminium bersaiz 7 kaki termasuk meningkatkan keselamatan pintu dengan pemasangan pintu yang dibenarkan oleh pihak penguasa			
6	<u>Kerja - kerja naiktaraf keselamatan makmal komputer</u>	SF	90	
	6.2 Kerja - kerja naiktaraf ruang penyimpanan beg pelajar bagi tujuan meningkatkan fungsi keselamatan aset nilai tinggi di makmal komputer 2, 3 dan 4 yang berukuran 10' x 3' dari jenis kayu plywood dan kekemasan maica			
JUMLAH KESELURUHAN				



- (i) Harga yang ditawarkan adalah bersih : dan
- (ii) Tarikh penyerahan dan penyempurnaan ialah

Saya/kami dengan ini menawar untuk melaksanakan kerja-kerja di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan dibelakang ini.

Tandatangan Penyebutharga :
Nama dan No. K/P :
.....
Alamat Syarikat :
.....
.....

Tarikh :

2.0 SYARAT-SYARAT AM SEBUTHARGA

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah di pakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah khususnya oleh penyebutharga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUTHARGA SEBAHAGIAN

Sebutharga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item

4. BARANG SETARA

Sebutharga boleh ditawarkan bagi spesifikasi kerja yang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga; dan
- (ii) Setiap butiran akan dipertimbangkan sebagai satu sebutharga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan sentiasa berhak mengkehendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa kerja-kerja yang telah dibuat oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Kerja-kerja penyelenggaraan yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada spesifikasi yang telah dipersetujui sebutharganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebutharga hendaklah menyebabkan perkhidmatan kerja-kerja yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-fasal kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebutharga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysi, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa- apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang timbul mengenai sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Insurans perlu dikemukakan ketika kerja-kerja penyelenggaraan sebelum dijalankan.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA**12. CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**15. CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATA WANG

Sebutharga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM)

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk di eksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu di eksport dengan tidak membungkus.
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

Lampiran A

3.0 ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

PENTING

- 1.0 Penyebutharga dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir yang terkandung di dalam dokumen Sebutharga sebelum mengisinya. Penyebutharga yang melakukan kesilapan dan tidak mematuhi mana-mana fasal didalam Sebutharga, maka Sebutharga tersebut tidak akan dipertimbangkan.
- 2.0 Borang-borang berikut perlulah diisi sepenuhnya dan ditandatangani oleh Penyebutharga dengan sempurna.
Dokumen Sebutharga ini mengandungi perkara-perkara berikut :-
- | | | | |
|------|-------------------------------------------------------|---|----------------------------|
| i. | Lampiran Q | | |
| ii. | Arahan Penyebutharga | - | Lampiran A |
| iii. | Surat Akuan Pembida | - | Lampiran A1 – wajib |
| iv. | Borang Sebutharga | - | Lampiran B |
| v. | Surat Perwakilan Kuasa | - | Lampiran B2 |
| vi. | Senarai Pengalaman Kontraktor | - | Lampiran C |
| x. | Jadual Kerja Dan Harga | | |
| xi | Senarai Semak (Bekalan / Perkhidmatan / Kerja) | | |

Jika berlaku sebarang kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat diatas, Penyebutharga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

- 3.0 Sekiranya terdapat sebarang dokumen diatas tidak dipatuhi dan ditandatangani, maka Sebutharga tuan boleh dibatalkan.
- 4.0 Keseluruhan kerja-kerja yang dinyatakan dalam Dokumen Sebutharga yang di atas Meja Sebutharga (kemudian dari ini disebut “Dokumen Meja Sebutharga) akan diberi secara kontrak.
- 5.0 Harga yang ditawarkan hendaklah dalam Ringgit Malaysia sahaja dan hendaklah termasuk semua kos penghantaran. Harga yang ditawarkan hendaklah harga tetap.
- 6.0 Penyebutharga juga akan dikenakan **Caj e-Perolehan** sebanyak **0.4%** daripada nilai harga yang ditawarkan.
- 7.0 Penyebutharga yang berjaya (jika ada) hendaklah diberitahu tentang Sebutharganya dengan surat (disebut “Surat Setuju Terima Sebutharga”) dalam Tempoh Sah Sebutharga atau apa-apa tempoh lanjutan.
- 8.0 Semua jadual butir-butir yang dilampirkan kepada Dokumen Sebutharga hendaklah diisi dan diserahkan oleh Penyebutharga beserta dengan Sebutharga.

- 9.0 Perkataan-perkataan “Penyebutharga yang berjaya” hendaklah bererti bahawa Penyebutharga yang mana Sebutharganya yang telah diluluskan dan setuju terima oleh Kerajaan.
- 10.0 Jika Penyebutharga tidak mematuhi syarat-syarat di para 2.0 dan yang tersebut diatas mengenai apa-apa jua hal maka Sebutharganya boleh ditolak.
- 11.0 Pastikan kelengkapan keseluruhan muka surat dokumen ini. Penyebutharga dilarang sama sekali mengoyak, membuka atau mengubah dokumen ini dari keadaan asal.
- 12.0 Dimana perkataan “TENDER” dinyatakan di dalam dokumen ini, ia adalah membawa maksud “SEBUTHARGA” dan sebaliknya.
- 13.0 Salinan **penyata bank (bagi 3 bulan terakhir)**.
- 14.0 Pihak **Politeknik METrO Johor Bahru** **TIDAK TERIKAT** untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran sekalipun dan juga tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab atas penolakan sesuatu Sebutharga.
- 15.0 Borang-borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri (sealed) secara berasingan dan ditulis pada bahagian atas kiri sampul surat tersebut **No. Sebutharga PMJB /SH / 05 /2018** ,tarikh tutup Sebutharga dan Nombor Pendaftaran PKK.
- 16.0 Dokumen sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Lobi, Politeknik METrO Johor Bahru, No 64 Jalan Suria 19, Taman Putera, 81100 Johor Bahru, Johor**.
- 17.0 Pihak Politeknik tidak bertanggungjawab di atas apa-apa kehilangan dokumen Sebutharga semasa perjalanan pos / perkhidmatan penghantaran cepat (courier service) dan sebagainya.
- 18.0 Keputusan mengenai Sebutharga yang dikeluarkan adalah muktamad. Sebarang surat-menyerat mengenai keputusan Sebutharga tidak akan dilayan.
- 19.0 Penyebutharga juga dimaklumkan bahawa tempoh kerja-kerja adalah ditetapkan **seperti yang dinyatakan dalam Surat Setuju Terima dikeluarkan.**

Semua perkara-perkara di atas telah diambil perhatian oleh Penyebutharga.

.....
(Tandatangan Penyebutharga
Dan Cop Syarikat)

Nama:
Alamat :

Tarikh :

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama :
Alamat :

Tarikh :

4.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 1.0 Merujuk kepada Surat Arahan Perbendaharaan rujukan S/K.Kew/PK/PP/1100/000000/10/31 Jld 26 SK.7 (3) bertarikh 28 Febuari 2009.
- 1.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di Bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- Any person in connection with this procurement is a criminal offence under the Anti-Corruption act 1997.*
- 1.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- If any person offer or gives any gratification to any members of the public service, the latter shall at the earliest opportunity there after lodge a report at the nearest office of the Anti Corruption agency or police station. Failure to do so is an offence under the Anti-corruption Act 1997.*
- 1.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- Without prejudice to any other action, disciplinary action against a member of the public service and blacklisting of the contractor or supplier may be taken if the parties are involved with any act of corruption under the Anti-Corruption Act 1997.*
- 1.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

Any contractor or supplier who makes a claim for payment in relation to this procurement although no work was carried out or no goods were supplied or no service rendered in accordance with the specification and any member of the 12las a service who certifies the claim commits an offence under the Anti-Corruption Act 1997.

5.0 INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

(SAP bertarikh 1 April 2010)

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN

INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

Tujuan

1. Integrity Pact dilaksanakan bertujuan untuk :
Integrity Pact dilaksanakan
 - 1.1 mengelak petender / penyebut harga daripada menawar atau memberi rasuah;
 - 1.2 menghendaki petender / penyebut harga melaporkan sebarang kesalahan rasuah kepada Pihak Berkuasa; dan
 - 1.3 memastikan Kerajaan tidak menanggung "*unnecessary costs*" dalam pelaksanaan urusan perolehan.

Unsur-Unsur *Integrity Pact*

2. *Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan terdiri daripada unsur-unsur penting seperti berikut :
 - (a) Petender/penyebut harga menerima **pelawaan rasmi** untuk **menyertai tender / sebutharga** bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja;
 - (b) Petender / penyebut harga membuat **akaun** bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana pihak untuk mendapatkan atau mengekalkan sesuatu kontrak berkaitan perolehan Kerajaan;
 - (c) Petender / penyebut harga mewujudkan "**Code of Conduct**" bagi membanteras gejala rasuah dan perlakuan tidak beretika di kalangan kakitangan syarikat serta mengadakan **program pematuhan "Code of Conduct"** untuk semua kakitangan syarikat;

- (d) Petender / penyebut harga yang berjaya mestilah mematuhi **perjanjian kontrak** yang mengandungi Klausu Pencegahan Rasuah Dalam Perolehan Kerajaan seperti yang diedarkan oleh Jabatan Peguam Negara melalui surat bil. PN(ADV)188 Jld.5 bertarikh 24 Jun 2008.

Kaedah Pelaksanaan *Integrity Pact*

Peringkat Pertama – Semasa penghantaran dokumen tawaran oleh petendet / penyebut harga.

3. Kesemua petender / penyebut harga menghantar dokumen tender / sebutharga hendaklah menandatangani **Surat Akaun Pembida** bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akaun Pembida hendaklah juga melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** menandatangani bagi pihak syarikat. Format Surat Akaun Pembida adalah seperti di **Lampiran A1**. Agensi hendaklah memastikan Surat Akaun Pembida juga dijadikan sebagai *dokumen wajib* yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran petender / penyebut harga.

Peringkat Kedua – Semasa mengembackikan Surat Setuju Terima oleh petender / penyebut harga berjaya

4. Petender / penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani **Surat Akaun Pembida Berjaya** bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani **Surat Akaun Pembida Berjaya** hendaklah juga melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** menandatangani bagi pihak syarikat. Format Surat Akaun Pembida Berjaya adalah seperti **Lampiran A2**. Agensi hendaklah memastikan Surat Akaun Pembida Berjaya juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama Surat Setuju Terima.

Peringkat Ketiga – Menandatangani perjanjian berkaitan perolehan Kerajaan yang mengandungi Klausu Pencegahan Rasuah Dalam Perolehan Kerajaan.

5. Agensi Kerajaan hendaklah memastikan teks perjanjian berkaitan perolehan Kerajaan yang hendak ditandatangani dengan pembida mengandungi Klausu Pencegahan Rasuah Dalam Perolehan Kerajaan seperti yang diedarkan oleh Jabatan Peguam Negara melalui surat edaran bil. PN(ADV) 188 Jld.5 bertarikh 24 Jun 2008. Agensi hendaklah memberi penekanan kepada pembida mengenai tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku sebarang pelanggaran ke atas klausu tersebut.

Kementerian Kewangan Malaysia

Putrajaya

1 April 2010

LAMPIRAN A1

**SURAT AKUAN PEMBIDA
PMJB/SH/ 05 /2018**

**SEBUTHARGA KERJA – KERJA NAIKTARAF BANGUNAN POLITEKNIK SERTA
KERJA-KERJA BERKAITAN DI POLITEKNIK METrO JOHOR BAHRU**

Saya.....nombor K.P
yang mewakili Nombor pendaftaran(**MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB**)
.....dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-
mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada
mana-mana individu dalam **Politeknik METrO Johor Bahru** atau mana-mana individu lain,
sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama-sama ini
dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk
membuat pengisytiharaan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih
dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-
tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* diatas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam
tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan
perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau
balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama:
No.KP:

Cop syarikat:

Catatan:*Potong mana yang tidak berkaitan.

LAMPIRAN B

BORANG SEBUT HARGA KERJA

NO.SEBUTHARGA : PMJB /SH /05 /2018

Pengarah,
Politeknik METrO Johor Bahru,
No 64 Jalan Suria 19,
Taman Putera,
81100, Johor Bahru,
Johor.

Tuan,

**SEBUTHARGA KERJA - KERJA NAIKTARAF BANGUNAN POLITEKNIK SERTA
KERJA-KERJA BERKAITAN DI POLITEKNIK METrO JOHOR BAHRU**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan kepada Penyebutharga Syarat-syarat Am Sebutharga, Spesifikasi kerja dan pelan-pelan saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak(RM.....) .

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa minggu dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh pegawai inden.

.....
(Tandatangan Penyebut Harga)
Nama Penuh :.....
No. K/P :.....
Alamat :.....
Meteri atau cop pembekal /Kontraktor

.....
(Tandatangan Saksi)
Nama Penuh :.....
No. K/P :.....
Alamat :.....

* Potong yang tidak berkenaan

LAMPIRAN B2

Kepala Surat Syarikat

Pengarah,
Politeknik METrO Johor Bahru,
No 64 Jalan Suria 19,
Taman Putera,
81100, Johor Bahru,
Johor.

Tarikh:

Tuan,

SURAT PERWAKILAN KUASA MENANDATANGANI BAGI PIHAK SYARIKAT

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa saya,.....
no. Kad pengenalan.....selaku pemilik
syarikat.....akan menandatangani
sendiri semua dokumen berkaitan dengan urusan perolehan **KERJA - KERJA NAIKTARAF
BANGUNAN POLITEKNIK SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI POLITEKNIK
METrO JOHOR BAHRU** Kementerian Pendidikan Malaysia **atau** mewakilkan kuasa
untuk menandatangani bagi pihak syarikat untuk urusan perolehan tersebut iaitu:

Nama	:
Alamat	:
Jawatan	:
No. I/C	:
No Telefon	:
No Faks	:
Emel	:

3. Sehubungan itu, dikemukakan untuk maklumat/ rujukan pihak tuan selanjutnya. Pihak kami akan memaklumkan kepada pihak Kementerian sekiranya terdapat perubahan penama bagi perkara ini secara rasmi.

Sekian, terima kasih.

.....
(NAMA PEMILIK SYARIKAT)

Jawatan:

Cop Syarikat:

Catatan: *Potong mana yang tidak berkait

LAMPIRAN C

SEBUTHARGA KERJA - KERJA NAIKTARAF BANGUNAN POLITEKNIK SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI POLITEKNIK METRO JOHOR BAHRU

RINGKASAN SEBUT HARGA (PUKAL)

Bil.	Huraian Kerja	Jumlah Harga Pukal (RM)
	Jumlah dibawa ke Borang Sebut Harga	

Catatan:

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebut Harga.

.....
 Tandatangan Kontraktor

Tarikh.....

LAMPIRAN D**SEBUTHARGA KERJA - KERJA NAIKTARAF BANGUNAN POLITEKNIK SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI POLITEKNIK METRO JOHOR BAHRU****RINGKASAN SEBUT HARGA (KUANTITI)**

Bil.	Huraian Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah (RM)
	Jumlah dibawa ke Borang Sebut Harga				

Catatan:

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebut Harga.

.....
Tandatangan
Kontraktor

Tarikh.....

**SENARAI SEMAK
(BEKALAN / PERKHIDMATAN / KERJA)**

Sila tandakan Bagi Dokumen-Dokumen Yang Disertakan

Bil.	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Di Tanda Oleh Jawatan Pembuka Sebut Harga
1.	Lampiran Q (Berserta Harga)		
2.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan / Perkhidmatan)		
3.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Bekalan / Perkhidmatan)		
4.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)		
5.	Salinan Sijil Dari CIDB		
6.	Borang Sebutharga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani		
7.	Lampiran A1- Surat Akuan Pembida		
8.	Lampiran B - Borang Sebut Harga Kerja		
9.	Lampiran B2–Surat Perwakilan Kuasa		
10.	Lampiran C - Ringkasan Sebutharga (Pukal)		
11.	Lampiran D – Ringkasan Sebutharga (Kuantiti)		
12.	Sesalinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir.		
13.	Lain-Lain Sekiranya Ada		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Jawatankuasa Pembuka Sebutharga
Mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuai bagi perkara bil.....
(jika ada)

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :